

# 1000 Pantun Dondang Sayang

diselenggara oleh  
Madulara



31

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN MALAYSIA





*1000  
Pantun  
Dondang  
Sayang*



*1000  
Pantun  
Dondang  
Sayang*

Diselenggara oleh:  
Madulara

PUSTAKA PERDANA



1011162

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

Cetakan Pertama 2004  
1000 Pantun Dondang Sayang

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian dalam buku ini dalam apa jua bentuk atau cara sama ada secara elektronik atau mekanikal tanpa permohonan bertulis daripada Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia, Tingkat 30, Menara TH Perdana, 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

1000 pantun dondang sayang Melaka  
ISBN 983-41984-3-4  
1. Pantun. 2. Malay poetry-Melaka I. Judul  
899.231

Diedit oleh:  
Nawi Adek  
Zainal Jaslan

Penerbit:  
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia  
(Bahagian Kebudayaan dan Kesenian)  
Tingkat 30, Menara TH Perdana,  
1001, Jalan Sultan Ismail,  
50250 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-2612 7600 Faks: 03-2692 6100

899.231  
SIR



# *Kandungan*

|                                    |     |
|------------------------------------|-----|
| <i>Sekapur Sirih Seulas Pinang</i> | vii |
| <i>Mukadimah</i>                   | ix  |
| 1. Pantun Kasih                    | 1   |
| 2. Pantun Budi                     | 23  |
| 3. Pantun Harimau                  | 41  |
| 4. Pantun Burung                   | 53  |
| 5. Pantun Ayam                     | 67  |
| 6. Pantun Bunga                    | 79  |
| 7. Pantun Laut                     | 84  |
| 8. Pantun Sejarah                  | 93  |
| 9. Pantun Hari Raya                | 99  |
| 10. Pantun Sindiran                | 104 |
| 11. Pantun Sindiran Makna          | 106 |
| 12. Pantun Sindiran Rencam         | 111 |
| 13. Pantun Puji-Pujian             | 113 |
| 14. Pantun Buah                    | 120 |
| 15. Pantun Kiasan Buah             | 125 |
| 16. Pantun Kiasan Ibarat           | 133 |
| 17. Pantun Guru                    | 160 |
| 18. Pantun Ilmu                    | 162 |
| 19. Pantun Bulan                   | 167 |
| 20. Pantun Menyambut Raja          | 168 |
| 21. Pantun Kumbang Dan Bunga       | 169 |
| 22. Pantun Pengantin               | 170 |
| 23. Pantun Hajat Tak Sampai        | 171 |
| 24. Pantun Peribahasa              | 172 |
| 25. Pantun Panglima                | 173 |
| 26. Pantun Senda Gurau             | 174 |
| 27. Pantun Bandingan               | 180 |



# *Sekapur Sirih Seulas Pinang*



Pantun merupakan puisi Melayu lama yang membuktikan keprihatinan masyarakat silam terhadap alam dan budaya hidup serta kehalusan budi. Budaya hidup masyarakat Melayu tidak hanya berkisar mengenai rasa diri seperti kasih sayang, sedih pilu, ratap duka tetapi juga termasuk aspek-aspek sindiran, kiasan, kecintaan kepada tanah air dan lain-lain. Semuanya itu dalam bentuk pemikiran tersusun dan ungkapan indah melalui rangkap-rangkap pantun yang bukan sahaja menggambarkan perasaan tetapi penampilan pantun itu sendiri begitu menarik perhatian.

Walaupun masyarakat Melayu silam jarang berkebolehan menulis, mereka mengeluarkan kata-kata pantun dengan begitu indah dengan pelbagai maksud yang tersirat. Mereka berupaya berbalas-balas pantun di antara satu sama lain di pelbagai majlis kenduri, meminang dan berhibur seperti Joget Lambak dan Dondang Sayang. Malah Joget Lambak dan Dondang Sayang sangat sinonim dengan Negeri Melaka.

Dondang Sayang merupakan hiburan yang menjadikan pantun sebagai senikatanya. Secara tidak langsung pantun akan terus digunakan selagi Dondang Sayang dimainkan. Dalam tradisi Melayu, mendodoikan anak sebelum tidur merupakan amalan yang dilakukan di mana-mana juga. Bagi orang Melaka, mengalunkan irama Dondang Sayang walaupun tidak begitu sempurna adalah menjadi kelaziman.

Lazimnya di antara pantun-pantun yang dinyanyikan ketika menguliti anak oleh ibu-ibu di Melaka ialah:


*Kalau nak gugur gugurlah mata,  
Jangan terhempap si putik pauh,  
Kalau nak tidurlah mata,  
Jangan dikenang orang yang jauh.*

*Sorong papan tarik papan,  
Buah keranji dalam perahu,  
Suruh makan engkau makan,  
Suruh mengaji engkau tak tahu.*

*Rumah kecil tiang seribu,  
Rumah besar tiang sebatang,  
Masa kecil ditimang ibu,  
Sudah besar ditimang gelombang.*

Dondang Sayang diperkenalkan sejak anak masih di dalam buaian. Tidak syak lagi, ia merupakan pembentukan jiwa dan akhlak serta minat terhadap Dondang Sayang.

Buku “Seribu Pantun Dondang Sayang” merupakan satu usaha untuk mengekalkan khazanah bangsa Melayu agar tetap hidup subur dari semasa ke semasa. Biarpun zaman dan generasi berubah, pantun Dondang Sayang masih boleh dijadikan sumber pengajaran terhadap generasi muda hari ini.



**DATUK SERI UTAMA DR. RAIS YATIM**  
(Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia)

## *Mukadimah*

Pengumpulan yang diusahakan ini hanya sebahagian kecil sahaja daripada jumlah pantun yang tidak terkira banyaknya yang berada dalam masyarakat Melayu. Lebih-lebih lagi dalam masyarakat Melaka yang pada umumnya diketahui terkenal dengan pantunnya dari dahulu lagi.

Apa yang istimewanya di Melaka, walaupun pantun adalah seni puisi Melayu lama yang usianya tidak dapat dijangkau, ada yang menyebut pantun sama seusia dengan munculnya bangsa Melayu, tetapi tidaklah orang Melayu sahaja yang boleh, cekap malah mengakui pantun juga hak milik mereka. Tiga etnik yang terdapat di Negeri Melaka juga berkebolehan dan berkemahiran berpantun selain Melayu, Chitty dan Baba Nyonya, Portugis juga berkebolehan berpantun. Penghijrahan kaum/etnik ini ke Melaka sejak beberapa ratus tahun dahulu serta asilimasi dengan masyarakat tempatan telah banyak dipengaruhi dengan adat dan budaya tempatan. Oleh itu, tidak hairanlah mereka juga berkebolehan dan berkemahiran berpantun sepertimana masyarakat tempatan. Ini dapat kita lihat cara mereka berpakaian, makanan, masakan, mahupun percakapan yang nyata dipengaruhi oleh budaya Melaka di dalam kehidupan seharian mereka.

Di zaman silam orang Melayu di Melaka, berpantun dalam banyak aspek urusan masyarakat. Paling nyata ialah dalam urusan adat istiadat. Terutama dalam urusan nikah kahwin, dari mula merisik sehinggalah kedua mempelai masuk ke bilik pengantin. Pantun memainkan peranan utama. Apatah lagi dalam seni hiburan untuk bersuka ria, berjoget lambak dan Dondang Sayang misalnya, malah sampai kepada mantera dan jampi, pantun memainkan peranan penting dalam masyarakat Melayu pada ketika itu. Seperti contoh di turunkan serangkap pantun berkenaan. Pantun yang digunakan dalam jampi serapah dalam upacara menyemai benih padi.

*Kayu raya maha raya,  
Tumbuh di padang yang luas,  
Seribu daun engkau tumbuh sebaya,  
Terjebat engkau umbi dan ruas.*



## *Mukadimah*

Pantun menjadi alat memperkatakan sesuatu adalah perkara biasa dalam masyarakat Melayu. Perbualan atau bercakap sesama sendiri yang bersulam dengan pantun bukan sesuatu yang janggal di kalangan orang Melaka. Bahkan dengan sulaman pantun perkara yang diperkatakan akan menjadi lebih menarik dan berkesan.

Bercakap dengan pantun tidak mesti seseorang itu disebut sebagai orang seni atau orang budaya. Sesiapa sahaja mampu berpantun dan menggunakan pantun dalam percakapan mereka. Berpantun atau berbalas pantun tidak mesti di antara dua pihak atau dua orang sahaja. Berpantun atau berbicara dengan pantun boleh lebih daripada beberapa pihak.

Orang Melaka zaman dahulu apabila berpantun tidak ditentukan orang atau tokoh yang mesti berlawan atau berbalas pantun. Apabila mula terbit pantun disuarakan oleh seseorang akan ada pula yang menjawabnya. Siapa cepat dan siapa cekap dialah yang akan menjawab pantun itu. Pendeknya kecekapan orang berpantun seharusnya seperti kata pepatah; Terkilat ikan di air sudah tahu jantan betinanya.

Hikayat Awang Sulong Merah Muda amat jelas menjadikan pantun alat percakapan tiga orang iaitu Si Kembang Cina, Awang Sulong Merah Muda dan Dayang Seri Jawa.

Si Kembang Cina:

*Jangan ditebang gelenggang itu,  
Pucuknya ada berjurai-jurai,  
Jangan dikenang yang hilang itu,  
Sudah jauh digonggong murai.*

Awang Sulong:

*Bagaimana tidak ditebang?  
Pucuknya pauh selasih jambi,  
Bagaimana tidak dikenang?  
Dagang yang jauh kekasih kami.*

Dayang Seri Jawa:

*Fikir-memikir sama lawak,  
Jangan dibawa ke Tanjung Jati,  
Sindir-menyindir sama awak,  
Jangan dibawa masuk ke hati.*

Bersoal jawab melalui pantun tidak memerlukan jawapan yang tepat semasa menjawab/ membeli pantun yang dijual. Soalan dan jawapan dalam pantun tidak seperti soal jawab dalam matematik, dua darab lima jawapannya sepuluh. Jawapan dalam pantun mungkin lima darab dua atau lima campur lima ataupun jawapan dalam pantun akan menyoal semula untuk memastikan jawapannya.

Kecekapan berpantun selalunya diiringi dengan kecekapan membaca atau memahami hal-hal yang tersirat di dalam pantun. Bergantung kepada pantun yang kadang-kadang terdapat tidak menyatakan perkara yang sebenar di dalam maksudnya, atau membawa maksud yang tersirat. Oleh yang demikian akan timbul satu bentuk rancangan untuk berpantun bagi memberikan jawapannya.

Kita lihat pantun antara Bujang Selamat dengan Mak Bidan.

Mak Bidan;

*Kerikal digulai maman,  
Digulai dengan daun capai,  
Apa abang tegak di halaman,  
Naik ke rumah abang mengapa?*

Bujang Selamat;

*Bagaimana hendak menjahit,  
Menjahit jari pun rempak,  
Bagaimana hendak naik,  
Tuan rumah belum nampak.*

Mak Bidan;

*Batang padi terbelah-belah,  
Yang sebelah dimakan api,  
Bujang Selamat datang tak pernah,  
Apalah hajat datang ke mari?*

Bujang Selamat;

*Encik Raman dari Johor,  
Lelayang tersangkut dalam padi,  
Mak Bidang terbilang lagi masyhur,  
Itulah hajat datang ke mari.*

Ibarat khazanah di lautan, lagi dicari dan diambil lagi banyak yang tidak diketahui. Begitu jugalah pantun, walau bagaimana banyak pun yang dikumpulkan masih lagi bertaburan yang tidak dikutip.

## *Mukadimah*

Pantun sentiasa hidup selagi ada keinginan menciptanya. Pantun terdapat di mana-mana. Pantun sentiasa segar dalam masyarakat. Tambahan pula apabila bijak meletakkan pantun itu pada tempatnya yang sesuai. Setidak-tidaknya menjadi penghias ucapan mahupun karangan.

Dalam kancah hiburan orang Melayu, pantun menjadi bahan utama. Apapun aspek seni orang Melayu pantun mendapat tempat istimewa. Pantun menjadi lirik lagu, pantun memperkasa bahasa. Pantun juga menjadi penyeri dan menghidupkan sesuatu suasana dan keadaan.

Paling utama dalam nyanyian Dondang Sayang dan berbalas pantun joget lambak. Pemantun yang menceburkan diri dalam kedua-dua bidang ini mampu mencipta sebarapa banyak pantun. Mereka bercakap, berbincang melalui pantun dengan cekap dan pantas. Mereka bertengkar, berkasih sayang, kata mengata, berbincang, berjanji, menghurai yang kusut atau apa saja dengan pantun.

Yang istimewanya orang - orang Dondang Sayang dan Joget Lambak ini berpantun mengikut tajuk atau tema. Mereka juga begitu patuh mengikut tajuk pantun yang didendangkan. Di kalangan mereka tajuk atau tema itu juga disebut sebagai "main". Kalau mereka sedang main kasih, sukar sekali hendak menukar kepada main lain seperti budi, kias, harimau, atau lain-lain tema. Menamatkan sesuatu "main" yang sedang rancak dijalankan memerlukan kebijaksanaan pemantun untuk menarik atau mengundurkan diri. Ia tidak akan tamat begitu sahaja malah ia diakhiri dengan pantun. Begitu juga jika salah seorang pemantun yang tidak dapat menjawab pantun yang dijual. Ada sahaja pantun yang dibeli agar ia dapat menutup kelemahan si pembeli pantun tadi.

Berbagai tema diutarakan oleh pemantun-pemantun di Melaka sama ada dalam kancah Dondang Sayang dan Joget Lambak mahupun dalam pertemuan sesama sendiri di dalam mana-mana majlis, keramaian masyarakat setempat ataupun perjumpaan ahli keluarga.

Namun tema yang paling lumrah dan mendapat sambutan khalayak terutama dalam Dondang sayang dan Joget Lambak ialah tema kasih, budi, harimau, ayam, laut, burung, kias-ibarat dan beberapa lagi. Perlu diingat bahawa kasih sayang atau pujuk-memujuk boleh dilahirkan juga dalam pantun-pantun bertema selainain daripada kasih.

## *Mukadimah*

Kita lihat pantun ini;

*Kain sehelai cantik bersulam,  
Benang selebar jahit kelingkan,  
Hujan di pantai gunung tenggelam,  
Rumput di pulau tumbuh cendawan.*

Sekurang-kurangnya pantun ini boleh diberikan dua tafsiran. Pertama, ditafsirkan sebagai pantun kias-ibarat. Dua baris maksudnya memperkatakan sesuatu peristiwa yang amat mendalam. Pengertiannya begitu luas dan sukar dijangkau dengan fikiran yang rambang. Baris pertama maksudnya sama maksud "lain yang bengkak, lain pula yang bernanah."

Tafsir kedua pula, pantun ini begitu kuat memperkatakan betapa kasih cinta yang tidak mendapat belaian atau kasih sayang yang dicurahkan tidak kepada sasaran yang seharusnya. Lain yang dikasihi, lain pula yang disayangi. Ini membawa kepada seseorang yang terpaksa merana walaupun sebagai rumput yang tumbuh segar tetapi terbiar diselaputi cendawan.

Akibat daripada menanam benih tetapi membaja dan menyuburkannya tidak pada benih yang ditanam dan diketahui pula benih yang ditanam tetapi diabaikan itu amat menyiksakan. Ibarat kata pepatah "anak di rumah mati kelaparan, kera di hutan disusukan". Betapa kelakuan itu mengakibatkan padah yang bukan kepalang.

*Terbang helang dua sekawan,  
Angin turun ombak bergulung,  
Sudah malang melur di taman,  
Hujan turun di lembah gunung.*

Pantun tercipta daripada pembayang maksud dan maksud pantun. Bergantung kepada jumlah baris atau kerat pantun, sama ada dua kerat, empat kerat, enam kerat atau lapan kerat, pantun terdiri daripada sebahagian maksud dan sebahagian lagi adalah maksud pantun.

Namun begitu, ada pantun yang baik. Ini dinilai daripada persamaan bunyi antara perkataan-perkataan yang berjodoh dan indah bahasanya serta cantik pula dilahirkan maksudnya.

Pendita Za'aba, dalam bukunya *Ilmu Mengarang Melayu* (Tahun 1934) memberi contoh di antara pantun yang cantik ialah:

## *Mukadimah*

*Buah Langsat kuning mencelah,  
Keduduk tidak berbunga lagi,  
Sudah dapat gading bertuah,  
Tanduk tidak berguna lagi.*

Kebanyakan pemantun dalam masyarakat Melayu melahirkan pantun secara sepontan. Walaupun pantun yang datang secara sepontan pada kebiasaannya pantun tersebut lengkap dan indah bunyinya dari pembayang sehinggalah ke maksudnya. Pantun yang mudah difahami adalah pantun yang sesuai sebagai percakapan biasa mahupun perbincangan dalam berbalas pantun. Lazimnya tokoh-tokoh pantun akan mudah memahami maksud yang ingin disampaikan walaupun ia susah untuk difahami untuk orang kebanyakan yang tidak mahir berpantun. Bagi mereka apabila masuk ke gelanggang mestilah seseorang itu;

*Patah lagu pokok pedada,  
Dahan patah dihinggap undan,  
Sudah penuh ilmu di dada,  
Barulah cuba masuk ke medan.*

Begitulah juga dengan bahasa dalam pantun. Pemantun yang menggunakan bahasa atau perkataan yang susah atau tidak pernah digunakan dalam percakapan seharian dalam masyarakat selalunya tidak mendapat tempat di kalangan pemantun tradisi.

Lagi mudah bahasa yang digunakan lagi baik kerana mudah difahami. Apabila mudah difahami maka mudahlah dibalas balik. Upacara berbalas pantun boleh berlangsung dengan harmoni dan idea pantun tidak akan putus-putus lahir satu per satu.

Terutama pada pembayang maksud pantun, bahan yang diutamakan ialah sumber alam. Tentang keadaan dan keindahan alam semulajadi. Apabila cantik pembayang maksudnya maka akan cantiklah pantun itu. Ditambah lagi cantiknya kata-kata dalam maksud pantun.

Lazimnya pantun empat kerat mendapat tempat istimewa dalam masyarakat berbanding dengan pantun-pantun lain. Lebih-lebih lagi dalam nyanyian lagu-lagu tradisi orang Melayu.

Pantun sebagai puisi warisan bangsa Melayu akan terus segar dan terpelihara. Cuma pada beberapa hal perkembangan pantun tidak begitu bersemarak. Sewajarnya orang Melayu sayangkan bangsanya akan sayang juga kepada pantun pusaka warisan sepanjang zaman. Justeru pengumpulan pantun ini edisi pertama ini diadakan.

## *Mukadimah*

*Antara padi jangan semantung,  
Di situ pua ditukarkan,  
Antara hati dengan jantung,  
Di situ pantun diletakkan.*

Tuan Haji Ahmad B. Usop,  
Dangau Madu  
18 Mei 2004



**PANTUN KASIH**

1. Pakai cincin di jari manis,  
Bawa saksi mangga dua,  
Abang pimpin jangan nangis,  
Sudah jodoh kita berdua.
2. Kain batik kepala dua,  
Pakai mari sebelah kiri,  
Sudah suka kita berdua,  
Orang lain jangan peduli.
3. Sayang gulatik burung guladan,  
Sayang tekukur terbang tinggi,  
Sudah cantik sama padan,  
Mari ukur siapa yang tinggi.
4. Sayang tekukur gulainya lemak,  
Sayang selasih di bawa batang,  
Sudah lumpur berjalan semak,  
Kerana cik adik saya mendatang.
5. Ada satu si burung helang,  
Pandai menyambar ikan duri,  
Hidup dunia tak campur orang,  
Mana tahu adat negeri.
6. Alif Ba Ta tiga surat,  
Dapat hidup dalam perigi,  
Gelap gelita sebelah barat,  
Belum tahu apa nak jadi.
7. Kalau tuan bergelang kaki,  
Biar saya bergelang tangan,  
Kalau tuan sujud di kaki,  
Biar saya genggam di tangan.
8. Orang Arab balik ke Arab,  
Sampai Arab pakai jubah,  
Jangan tuan berharap - harap,  
Fikiran saya boleh berubah.

*1000 Pantun Dondang Sayang*

9. Kecil - kecil di kara - kara,  
Lilit mari dipagar orang,  
Kecil - kecil ibu bapa pelihara,  
Sudah besar diambil orang.
10. Rumah kecil dipagar nenas,  
Ular lidi mati tersangkut,  
Bukan saya pandangkan emas,  
Kerana budi hati tersangkut.
11. Cincang - cincang kepala lembu,  
Mari masak asam pedas,  
Macam mana saya tak rindu,  
Orang di rumah hukum keras.
12. Cicak di sana cicak di sini,  
Cicak sarang bergulung rotan,  
Adik di sana saya di sini,  
Macam burung sahut - sahutan.
13. Telur cicak di atas peti,  
Budak Melayu menjual bunga,  
Minta - minta tak mahu kasi,  
Sudah lepas apa guna.
14. Sepuluh ikan cencaru,  
Membiak ikan gelama,  
Sepuluh ganti yang baru,  
Mana sama orang yang lama.
15. Asam paya buah di hutan,  
Limau purut batang berduri,  
Tipu daya kerana mu tuan,  
Tidak turut rosaklah hati.
16. Apa dijeruk dengan belimbing,  
Gerenggang mudik ke muara,  
Apa ditengok di balik dinding,  
Tun Hassan Temenggong anak Bendahara

*1000 Pantun Dondang Sayang*

17. Tun Teja anak Benggala,  
Pandai membelah lada sulah,  
Jikalau tuan kurang percaya,  
Mari bersumpah kalam Allah.
18. Sana sini gigi menimang,  
Hendak makan ikan di dalam telaga,  
Lagi lemak telur berlinang,  
Sisiknya lekat pada dada.
19. Dang Nila memangku puan,  
Berembang buah pidada,  
Adakah gila bagimu tuan,  
Burung terbang dipipiskan lada.
20. Lokan melata di dalam perahu,  
Belah balang bertanduan,  
Bukankah kau tiada tahu,  
Akulah hulubalang minta lawan.
21. Gajah lekir kuda beraksa,  
Di mana akan kuhempaskan,  
Sama lebur sama binasa,  
Orang kaya di mana akan kutunangkan.
22. Kalau roboh Kota Melaka,  
Papan di Jawa saya dirikan,  
Kalau sungguh bagai dikata,  
Badan dan nyawa saya serahkan.
23. Tun Fatimah wanita jelita,  
Negerinya timbul Dondang Sayang,  
Sudah tersua tepung pelita,  
Dimakan lalu dibuang sayang.
24. Buah jering di atas para,  
Diambil budak sambil berlari,  
Sampai kering laut Melaka,  
Barulah saya mungkirkan janji.

*1000 Pantun Dondang Sayang*

25. Makan sirih berpinang tidak,  
Pinang berada di Bukit piatu,  
Toleh ke kiri ke kanan tidak,  
Baru kutahu badan piatu.
26. Inderagiri pasirnya lumat,  
Kerang bercampur dengan lokan,  
Bagai nabi kasihkan umat,  
Begitu saya kasihkan tuan.
27. Dondang Sayang Tanjung Surat,  
Sampai ke Johor lalu melarat,  
Bukan disengaja bukan dibuat,  
Di Lohmahfuz sudah tersurat.
28. Sorong papan tarik papan,  
Buah keranji di atas peti,  
Suruh makan engkau makan,  
Suruh mengaji engkau tak tahu.
29. Rumah kecil tiang seribu,  
Rumah besar tiang sebatang,  
Masa kecil ditimang ibu,  
Sudah besar ditimang gelombang.
30. Gesek biola bertali empat,  
Dondang Sayang lagu Melayu,  
Dari jauh ke mari dekat,  
Campak pantun seorang satu.
31. Pukul rebana berbunyi tambur,  
Orang menari di tengah halaman,  
Tuan di sana rindu tak tidur,  
Saya di sini rindu tak makan.
32. Sayang bangau bulunya putih,  
Bersama dengan si burung undan,  
Saya datang perahu upih,  
Hendak menumpang permainan tuan.

*1000 Pantun Dendang Sayang*

33. Sayang Cik Sulung membawa perca,  
Perca bernama sepotong kain,  
Surat belum habis dibaca,  
Hajat hati tumpang bermain.
34. Pucuk pauh delima batu,  
Anak sembilang di tapak tangan,  
Tuan jauh di negeri satu,  
Di mata hilang di hati jangan.
35. Orang mengail di Kuala Daik,  
Dapat seekor ikan Yu,  
Untung saya masakan baik,  
Laksana dendang di pokok layu.
36. Anak kumbang merayap - rayap,  
Mari ditangkap anak Turki,  
Hendak terbang tidak bersayap,  
Hendak hinggap tidak berkaki.
37. Ikut resmi padi,  
Jangan ikut resmi lalang,  
Makin tunduk makin berisi,  
Makin melata makin tunduk meladang.
38. Pukul gendang kulit biawak,  
Sedikit tidak berdentum lagi,  
Ke mana badan hendak kubawa,  
Sedikit tidak beruntung lagi.
39. Dari Bentan ke Tanjung Jati,  
Muatan rengas si Lancang Kuning,  
Puas bulan mengejar matahari,  
Ombak berhempas laut tak kering.
40. Sampan kelana tiang sebatang,  
Dipukul ribut berkajang daun,  
Apa guna dipagar bintang,  
Tawarkah laut hujan setahun.

*1000 Pantun Dondang Sayang*

41. Anak kelawar mati tersangkut,  
Lalu patah dahan beringin,  
Berapa besar ombak di laut,  
Bolehkah redah menyongsong angin.
42. Buah pinang buah belimbing,  
Ketiga dengan buah mangga,  
Sungguh senang beristeri sumbing,  
Kalau marah ketawa juga.
43. Bermain ceki si nganak Cina,  
Sama dengan mainnya dadu,  
Gua di sini lu di sana,  
Sama - sama menanggung rindu.
44. Sayang Cik Ali anak Cik Zainal,  
Pandai menyanyi Dondang Sayang,  
Lama sudah kita berkenal,  
Belum cuba berkasih sayang.
45. Anak lembu di Tanjung Jati,  
Cari makan di tengah harungan,  
Sehari bertemu sehari kumati,  
Seribu syukur atas junjungan.
46. Sayang Cik Intan tanam selasih,  
Selasih datang dari Seberang,  
Kenapa tuan tak mahu berkasih,  
Adakah orang akan melarang.
47. Tarik perahu di air surut,  
Orang belayar ke tanah seberang,  
Bukan saya tak mahu menurut,  
Takut cik puan maklumnya puan.
48. Buat gereja di atas bukit,  
Pasang rabung kayu meranti,  
Ayuhai tuan cintaku sakit,  
Tidak bertanggung rasa di hati.

*1000 Pantun Dondang Sayang*

49. Patah dahan kayu meranti,  
Panjat mari si anak kera,  
Kalau tak rasa di hati,  
Mari berjumpa dengan segera.
50. Orang Melayu bersampan payang,  
Sarat bermuat ikan Gelama,  
Bukan tak mahu berkasih sayang,  
Takut nanti tak kekal lama.
51. Layang - layang putus teraju,  
Tersangkut mari di pokok delima,  
Kalau dapat kasih setuju,  
Tentu boleh kekalnya lama.
52. Sudah rapuh dahan keranji,  
Turun ke paya ambil meranti,  
Kalau sungguh kata dan janji,  
Tidaklah saya mencari ganti.
53. Ikan pelata si ikan parang,  
Ikan gelama putih sisiknya,  
Tak pandai saya kata sebarang,  
Belah dada tengok isinya.
54. Layang - layang terbang melayang,  
Jatuh ke laut disambar jerung,  
Siapa kata abang tak sayang,  
Bagai bunga rasa nak kendong.
55. Ada satu anak helang,  
Sehari - hari turun ke pantai,  
Jika sehari tidak kupandang,  
Bagai bunga layu di tangkai.
56. Bunga Melor di atas titi,  
Mari dibungkus dengan kertas,  
Dalam telur lagi kunanti,  
Inikan pula sudah menetas.

*1000 Pantun Dendang Sayang*

57. Arak - arak kelapa puan,  
Tidak puan kelapa bali,  
Harap - harap kepada tuan,  
Tidak tuan siapa lagi.
58. Anak beruk di kayu rendang,  
Turun mandi di dalam paya,  
Biar buruk mata memandang,  
Tetapi cantik di mata saya.
59. Limau purut batang berduri,  
Ada buah jarang - jarang,  
Di dalam perut lagi kunanti,  
Inikan pula sudah terbang.
60. Lama sudah tidak ke ladang,  
Padi sudah dililit kangkung,  
Selama tuan tidak kupandang,  
Putus hati pengarang jantung.
61. Sayang Cik Esah mengambil galah,  
Buat mari sampiran kain,  
Berani bersumpah kalam Allah,  
Hatiku tidak pada yang lain.
62. Ada seekor burung merak,  
Lehernya panjang suaranya serak,  
Tuan umpama emas dan perak,  
Hati yang mana boleh menolak.
63. Pulau tinggi terendak Cina,  
Tampak dari Pasir Seribu,  
Tuan pergi janganlah lama,  
Tidak kuasa menanggung rindu.
64. Bunga selasih permainan budak,  
Daun sehelai dimakan kuda,  
Bercerai kasih bertalak tidak,  
Seribu tahun bertemu juga.

65. Kuda hitam pelana kain,  
Bunga seganda di dalam dulang,  
Niatku tidak pada yang lain,  
Hanya pada tuan seorang.
66. Tuai padi musimnya tiba,  
Tangkainya lurut di rumah Cik Siti,  
Kalau begini malang menimpa,  
Biar kuturut katanya hati.
67. Belayar sampai ke Tanjung Jati,  
Hendak mengambil buah redan,  
Jangan diikut kehendak hati,  
Nescaya rosak anggota badan.
68. Dari Gerisik ke Surabaya,  
Singgah mengambil ubi keladi,  
Sudah nasib malangnya saya,  
Tidak boleh diubah lagi.
69. Kajang tuan kajang berlipat,  
Kajang saya mengkuang layu,  
Dagang tuan dagang bertempat,  
Dagang saya terbuang selalu.
70. Kereta kuda pedati lembu,  
Singgah sekejap di Pengkalan Rama,  
Tuan sutera saya belacu,  
Mana boleh ganding bersama.
71. Burung jelatik sarang kedidi,  
Sarang tempua sarang berjantai,  
Sungguh cantik sutera diuji,  
Belacu juga tahan dipakai.
72. Bunga dikarang tangkainya patah,  
Dalam dulang jatuh kuntumnya,  
Adat orang ringgit berjuta,  
Kawan bercampur pilih darjatnya.

*1000 Pantun Dondang Sayang*

73. Buah bacang buah kuini,  
Jatuh sebiji di pangkal mengkudu,  
Kalau kutahu semacam ini,  
Tidak kulahir di perut ibu.
74. Terbang tinggi si burung undan,  
Pagi hari matahari segalah,  
Sudah nasib permintaan badan,  
Kuturut sahaja kehendak Allah.

**PANTUN KASIH (II)**

75. Buluh perindu sampaian kain,  
Buluh betong tidak berkain,  
Di angin lalu pesan kukirim,  
Rindu kutanggung seorang diri.
76. Limau purut jatuh ke batu,  
Jatuh digegas di angin lalu,  
Jangan diturut hati nan rindu,  
Badan yang segar menjadi layu.
77. Cenderawasih burung di awan,  
Sarang nuri dilindung daun,  
Rindu kasih bukan buatan,  
Jarak sehari rasa setahun.
78. Burung putih terbang ke hulu,  
Sayapnya patah terlanggar batu,  
Orang berkasih memang begitu,  
Bila berpisah terasa rindu.
79. Layu sudah pohon selasih,  
Akar terendam rindu bertakung,  
Bukan mudah bercerai kasih,  
Rindu dendam tidak tertanggung.

80. Sutera puji tepi berliku,  
Kain dibuat pakaian ratu,  
Kekasih pergi pulangnya tentu,  
Akan terubat segala rindu.
81. Kuning mencelah si buah duku,  
Berbuah lebat pokok di hulu,  
Bila berpisah sama merindu,  
Tandanya erat kasih dipadu.
82. Di pinggir desa kutanam jagung,  
Duduk berehat di pohon pauh,  
Resah gelisah tidak tertanggung,  
Kasih terpisah di tempat jauh.
83. Tumbuh cendawan di petak selasih,  
Berselang dengan si daun pandan,  
Kalau tuan berubah kasih,  
Terbuang jauh tercampak badan.
84. Tengah lautan kapal berlabuh,  
Sarat muatan si kayu jati,  
Walaupun badan berpisah jauh,  
Kasih terikat di dalam hati.
85. Kembang merah si bunga selasih,  
Daunnya layu ditimpa sena,  
Bukannya mudah bercerai kasih,  
Makan tak lalu tidur tak lena.
86. Patah selasih dahan tuanya,  
Jatuh ke sungai dibawa arus,  
Kalau berkasih tahu petuanya,  
Hati tak risau badan tak kurus.
87. Buah selasih si putik pauh,  
Buat santapan di pagi hari,  
Orang kukasih semakin jauh,  
Rasa tak mungkin bertemu lagi.

ISBN 983419843-4



9 789834 198435



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YATASAN  
KEIMPINAN  
PERDANA